

PENGGUNAAN KAEDAH *PLATELET-RICH PLASMA* (PRP) DALAM RAWATAN KECANTIKAN MENURUT PERSPEKTIF HALAL HARAM

Nurhidayah Muhamad Sharifuddin
Nur Fadhilah Muhamad Apardi
Mohd Anuar Ramli

PENGENALAN

Dewasa ini, bidang kecantikan merupakan suatu bidang yang menjadi keutamaan dalam masyarakat masa kini terutamanya bagi golongan wanita. Ia turut menjadi penyumbang kepada peningkatan ekonomi di negara kita. Impak kepada perkembangan dalam bidang kecantikan telah memperlihatkan masyarakat semakin mementingkan kecantikan khususnya dalam penampilan diri dan wajah. Seiring dengan kemajuan zaman dan kehendak manusia, pelbagai cetusan idea rawatan oleh pakar perubatan serta alatan teknologi baharu telah dihasilkan untuk mengekalkan kecantikan luaran dan dalaman.

Platelet-Rich Plasma (PRP) adalah suatu rawatan yang berasaskan darah manusia. Elemen-elemen di dalam darah diasingkan dengan menggunakan mesin *centrifuge* untuk menghasilkan lapisan plasma dan platlet asli yang digunakan dalam kaedah rawatan PRP (Marx, 2001). PRP merupakan suatu konsep yang mana jumlah autologos plasma mempunyai kepekatan platlet yang melewati garis dasar plasma darah biasa (Marx, 2001).

PRP digunakan dalam rawatan kecantikan kerana rawatan ini berpotensi untuk digunakan ketika pembedahan plastik, peremajaan kulit, rambut gugur serta rawatan dalam bidang dermatologi seperti ulser kronik, ulser diabetik dan luka bakar (Natsuko Kakudo et al., 2012; Adi Satriyo et al., 2011; Redaelli et al., 2010; Eppley et al., 2006; G. Fabbrocini et al., 2011; Greco & Brandt, 2009; M Sendhil Kumaran, 2014; Kim Dh et al., 2011).

TEKNIK PRP DALAM RAWATAN KECANTIKAN

Pembedahan Plastik

Pakar bedah plastik sering mendapat permintaan yang tinggi untuk mengendalikan pembedahan kompleks yang rumit atau luka-luka yang kronik. Kebanyakan pembedahan yang dilakukan melibatkan pemindahan atau perubahan bentuk tisu. PRP digunakan sebagai terapi bagi penjagaan luka sebagai tambahan kepada kaedah konvensional yang membantu untuk menggalakkan penyembuhan luka dalam pembedahan plastik.

Cantuman lemak (*fat grafting*) adalah satu teknik yang digunakan untuk beberapa tujuan dalam pembedahan plastik. Selain itu, cantuman tulang (*bone grafts*) juga turut digunakan dalam beberapa kajian klinikal dalam pembedahan plastik (Sommeling CE et al., 2013). Faktor pertumbuhan PDGF berfungsi untuk rawatan luka yang kronik dalam pembedahan plastik. Selain itu, VEGF turut berpotensi untuk pesakit yang mengalami luka yang bermasalah atau gagal dalam pembentukan semula tisu cantuman (Mast et al., 2000).

Peremajaan Kulit

Bagi peremajaan kulit pada bahagian leher dan muka, rawatan PRP dapat mengembalikan semula kedutan kecil pada kulit termasuklah keanjalan dan tekstur kulit (Redaelli et al., 2010). Kajian struktur tisu menunjukkan bahawa PRP dapat meningkatkan ekspresi gen molekul matriks seperti kolagen. Selain itu, ia turut merangsang percambahan fibroblas dan meningkatkan jumlah pembentuk protein (Ebisawa K et al., 2008). PRP juga turut menggalakkan pembentukan semula tisu dalam kulit dan boleh digunakan sebagai rawatan yang membantu dalam rawatan laser bagi peremajaan kulit dalam dermatologi kosmetik (Kim DH et al., 2011). Faktor pertumbuhan digunakan sebagai pendekatan semula jadi untuk mengembalikan degenerasi kulit (Mikhael & Fatma M. El-Esawy, 2014).

Dermatologi

Ulser vena, ulser diabetik dan ulser tekanan adalah antara luka kulit kronik yang biasa. Sekiranya ulser berada pada suhu yang rendah boleh membakar luka tersebut sehingga mengalami kecederaan yang dalam kerana terdedah kepada sumber haba yang panjang (Natsuko Kakudo et al., 2012). PRP berpotensi dalam merawat penyakit ulser diabetik dan penyakit luka ulser yang lain melalui faktor pertumbuhan PDGF-bb yang menggalakkan penyembuhan luka. Ia telah terbukti mempunyai kesan yang positif ke atas penyembuhan ulser tekanan (Robson M.C et al., 1992) dan ulser pada bahagian kaki bagi pesakit yang menghidap penyakit diabetis (Steed DL, 1995).

Rambut

PRP berpotensi untuk menggalakkan penyembuhan dan pertumbuhan rambut. Antara fungsinya adalah untuk memelihara dan meningkatkan percambahan rambut folikel semasa dan selepas pemindahan rambut, menggalakkan dan meningkatkan pembaikan tisu dan penyembuhan selepas pemindahan rambut serta merangsang semula folikel rambut yang dorman (tidak aktif) dan pertumbuhan rambut baru (International Society Of Hair Restoration Surgery, 2015).

Folikel rambut dipengaruhi oleh pelbagai sitokin dan faktor pertumbuhan. Faktor pertumbuhan PDGF berfungsi dalam percambahan sel papilla rambut. VEGF adalah faktor pertumbuhan utama dalam pertumbuhan folikel rambut. Selain itu, ia turut meningkatkan proses pengaliran darah sehingga dapat meningkatkan pertumbuhan rambut, jumlah folikel yang tumbuh dan saiz rambut yang tumbuh (Greco & Brandt, 2009; Adi Satriyo et al., 2011).

METODOLOGI

Kaedah kualitatif digunakan untuk menganalisis hukum teknik PRP dalam rawatan kecantikan. Kitab-kitab fiqh digunakan sebagai rujukan utama dalam kajian ini untuk menganalisis hukum rawatan PRP dari aspek kecantikan. Selain itu, buku-buku ilmiah, makalah, jurnal, koleksi kertas kerja persidangan dan seminar turut dirujuk untuk memperoleh maklumat atau data berkaitan konsep teknik rawatan PRP.

PERBINCANGAN

Terdapat beberapa pandangan berkaitan penggunaan darah dalam rawatan secara umum. Jumhur *fuqaha'* berpendapat bahawa semua darah yang keluar dari tubuh manusia adalah najis (al-Kasani, 1986; Ibn 'Abd al-Bir, 1990; Ibn 'Abidin, 2003; Ibn Hazm, 1933; al-Nawawi, t.t; Ibn Hazm, 1998; al-Qurtubi, 2006; Ibn Qudamah, t.t; al-Syirazi, 1995; Ibn Qudamah, 1997; al-Sharbini, 1997; al-Shafi'i 1990). Ini adalah pendapat ulama' dari mazhab Hanafiyah, Malikiyah, Shafii'yah, Hanabilah, Ibn Hazm, Ibn Taymiyyah dan sebahagian ulama yang bersepakat dengan pendapat ini seperti Ibn al-'Arabi dan al-Qurtubi. Pendapat mereka ini berdasarkan firman Allah SWT:

“Sesungguhnya Dia hanya mengharamkan ke atasmu bangkai, darah, daging babi dan (daging) haiwan yang disembelih dengan (menyebut nama) selain Allah.”

(al-Nahl:115)

Allah SWT menyifatkan pengharaman bangkai, darah yang mengalir dan daging babi adalah رجس (al-Maghribi, 2010). Ulama mentafsirkan perkataan رجس iaitu kotoran yang membawa maksud najis (al-Kasani, 1986). Dalam kitab *al-Ahkam*

al-Qur'an turut menerangkan bahawa darah adalah najis dan haram untuk dimakan dan diambil manfaat padanya secara mutlak (Ibn 'Arabi, 2003).

Adapun bagi Imam al-Shawkani, al-Shaykh Siddiq Hasan Khan dan lain-lain berpendapat bahawa darah yang keluar dari tubuh manusia adalah suci kecuali yang keluar melalui dua jalan (al-Shawkani, 2004; al-Albani t.t; Ibn al-'Athimin, 2002). Pendapat kedua ini berdasarkan sabda Nabi SAW:

"Sesungguhnya ketika Nabi SAW berada dalam keadaan perang Dhat al-Riqa', ketika itu ada seorang lelaki terkena panah sehingga mengeluarkan banyak darah, kemudian orang tersebut ruku', sujud dan meneruskan solatnya."

(Riwayat al-Bukhari)

Hukum rawatan PRP bagi aspek kecantikan turut memberi implikasi hukum yang berbeza mengikut tujuan rawatan tersebut digunakan. Sekiranya pesakit berhajat merawat wajah dan tubuh mereka untuk tujuan menghilangkan aib serta mengembalikan bentuk kepada fitrah asal. Maka diharuskan penggunaan rawatan ini. Ini adalah kerana tujuan rawatan tersebut bukanlah untuk kecantikan, akan tetapi untuk menghilangkan kesempitan dan kesukaran yang dialami oleh individu tersebut. Di samping itu, salah satu dari *maqasid al-syariah* adalah untuk menghapuskan kesukaran dalam hidup (رفع الحرج). Oleh itu, hukum penggunaan rawatan PRP dalam bidang dermatologi seperti penyakit luka bakar, ulser kronik, ulser diabetik dan merawat rambut gugur adalah diharuskan.

Berbeza pula hukumnya apabila tujuan rawatan tersebut digunakan untuk menambahkan kecantikan. Sekiranya ianya digunakan untuk merawat beberapa kecacatan kecil yang menjejaskan pandangan kecantikan dan kesempurnaan individu tersebut supaya kelihatan lebih anggun dan cantik, maka diharamkan penggunaan rawatan ini. Ini adalah kerana ianya termasuk dalam katogeri *tahsiniyyat*. Maka, rawatan peremajaan kulit yang menggunakan rawatan PRP adalah diharamkan kerana ianya digunakan untuk menampakkan kesempurnaan pada wajah dan kulit supaya kelihatan lebih cantik serta lebih muda berbanding usia sebenar tanpa wujud keperluan darurat untuk berbuat demikian.

Majlis Perhimpunan Fiqh Islami Negara kali ke-18 pada tahun 2007 yang telah diadakan di Putrajaya telah menetapkan kayu ukur yang berkaitan isu pembedahan kosmetik. Mereka berpendapat mengenai pengharusan melakukan pembedahan kosmetik ketika darurat atau keperluan. Contohnya seperti membentuk semula bentuk anggota badan seperti asal penciptaan, membaiki semula kecacatan kelahiran seperti bibir sumbing, tanda lahir yang teruk, lebihan jari dan gigi serta jari yang melekat, membaiki kecacatan yang diperolehi daripada kesan terbakar, kemalangan atau penyakit serta kecacatan yang boleh menyebabkan kemudaratkan kepada fizikal dan mental seseorang. Namun, pembedahan kosmetik haram dilakukan sekiranya untuk tujuan

menukar apa yang telah diciptakan kepada manusia mengikut hawa nafsu dan peredaran zaman. Contohnya seperti mengubah bentuk wajah kepada wajah yang lain atau untuk tujuan pengeliruan dan penipuan, mengubah bentuk hidung, bibir, mata serta membesarkan pipi dan menghilangkan kedutan sama ada melalui pembedahan mahupun suntikan.

HASIL KAJIAN

Merujuk kepada rawatan PRP, pengkaji mendapati bahawa rawatan ini menggunakan sumber berasaskan darah bersifat najis. Maka, jelas menunjukkan bahawa sumber yang digunakan di dalam rawatan ini adalah haram. Pengkaji merumuskan hasil analisis rawatan PRP seperti berikut:

Rumusan 1:

Rawatan PRP menggunakan sumber darah. Rawatan ini digunakan untuk tujuan kecantikan dengan menggunakan teknik secara dalaman atau luaran. Walaupun rawatan tersebut memberi manfaat kepada pesakit, namun rawatan ini diharamkan kerana keperluan rawatan ini tidak sampai kepada tahap darurat disamping menggunakan sumber yang diharamkan. Formula bagi rumusan ini boleh dilihat seperti berikut:

PRP: Sumber Haram + Teknik Harus + Tujuan Kecantikan + Hasil Positif = HARAM

Rumusan 2:

Rawatan PRP menggunakan sumber darah. Rawatan ini digunakan untuk tujuan kecantikan dengan menggunakan teknik secara dalaman atau luaran. Hasil rawatan ini memberi kemudahan kepada pesakit serta mengubah ciptaan Allah SWT. Maka, rawatan jenis ini haram untuk digunakan. Formula bagi rumusan ini boleh dilihat seperti berikut:

PRP: Sumber Haram + Teknik Harus + Tujuan Kecantikan + Hasil Negatif = HARAM

Berdasarkan hasil rumusan di atas, jelas menunjukkan bahawa penggunaan kaedah PRP dalam rawatan kecantikan adalah haram kerana kaedah rawatan ini menggunakan sumber najis iaitu darah walaupun ianya memberi manfaat kepada pesakit. Ini adalah kerana keperluan penggunaan rawatan ini tidak sampai kepada situasi darurat yang mana terdapat pelbagai jenis rawatan lain berasaskan sumber halal yang boleh digunakan untuk rawatan dalam bidang kecantikan.

KESIMPULAN

Kecantikan adalah lumrah manusia untuk tampil menarik dan menawan. Sehubungan itu, Islam mengharuskan untuk mencantikkan diri selagi ianya berlandaskan ketetapan yang telah dianjurkan syariat. Kepentingan dalam memastikan kesucian sesuatu bahan yang digunakan dalam rawatan perlulah dititikberatkan dengan sebaiknya. Ini kerana penggunaan bahan dalam kehidupan seharian manusia akan memberikan kesan terhadap amalan ibadat seseorang individu Muslim. Islam bukan sahaja mengkehendaki sesuatu yang suci bahkan turut menuntut kepada perkara yang halal supaya apa jua yang masuk ke dalam diri manusia dapat memelihara ruh Islam dengan cara yang terbaik. Oleh itu, penggunaan bahan-bahan bertujuan untuk mengekalkan kecantikan yang bersifat najis adalah diharamkan oleh syarak. Hal ini kerana objektif utama syarak adalah untuk mendatangkan manfaat serta menghindari kemudaratan yang mendatang kepada manusia.

RUJUKAN

- Adi Satriyo, Eddy Karta Dukardi & Farida Zubeir (2011). Peran Plasma Kaya Trombosit (Platelet-Rich Plasma) di Bidang Dermatologi, *Media Dermato Venerologica Indonsiana (MDVI)* 38 (1), 22-28.
- Al-Albani, Muhammad Nashiruddin (t.t). *Al-Tamam Al-Minnah*, Mesir: Dar Al-Rayah.
- Ebisawa, K., Kato, R., Okada, M., Kamei, Y., Mazlyzam, AL., Narita, Y., Kagami H., & Ueda M. (2008). Cell Therapy For Facial Anti-Aging, *Medical Journal Of Malaysia* 63, A41.
- Eppley, B. L., Piertzak, W. S., & Blanton, B. (2006). Platelet-Rich Plasma: A Review Of Biology And Applications In Plastic Surgery. *Plastic And Reconstructive Surgery Journal* 118 (6), 147e-159e.
- Fabbrocini, G., Fardella, N., Monfrecola, A., Proietti, I., & Innocenzi, D. (2011). Combined Use Of Skin Needling And Platelet-Rich Plasma In Acne Scarring Treatment, *Cosmetic Dermatology* 24 (4), 177-183.
- Greco, J., & Brandt, B. (2009) The Effect Of Autologous Platelet-Rich Plasma And Various Growth Factors On Non-Transplanted Miniaturized Hair, *Hair Transplant Forum International*, March/April, 49-50.
- Ibn 'Abd Al-Bir (1990). *Al-Tahmid Lamma fi Al-Muwatta' min al-Ma'ani wa al-Asanid*. Madinah: Maktabat al-'ulum-al-Hikam.
- Ibn 'Abidin (2003). *Rad al-Mukhtar*. Riyadh: Dar 'Alam al-Kutub.
- Ibn 'Arabi (2003). *Ahkam Al-Qur'an*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyah.
- Ibn Al-'Athimin (2002). *Al-Sharh al-Mumtani' 'ala Zad Al-Mustaqni'*. Al-Mamlakah Al'Arabiyah Al-Sa'udiyah: Dar Ibn Al-Jawzi.
- Ibn Hazm, Abu Muhammad 'Ali bin Ahmad bin Sa'id (1933). *Al-Muhalla*. Mesir: Idarah al-Tiba'ah al-Maniriyah.

- Ibn Hazm, Abu Muhammad 'Ali bin Ahmad bin Sa'id (1998). *Maratib al-Ijma'*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad 'Abd Allah bin Ahmad (1997). *Al-Mughni*. Riyadh: Dar 'Alam al-Kutub.
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad 'Abd Allah bin Ahmad (t.t), *Al-Kafi*. Qaherah: Dar Hajar.
- International Society Of Hair Restoration Surgery (2009, Okt 1). *Platelet-Rich Plasma in Hair Transplantation*. Dicapai pada 10 Mac 2015 dari <http://www.ishrs.org/article/platelet-rich-plasma-hair-transplantation>.
- Al-Kasani, Ala' al-Din Abi Bakr bin Mas'ud (1986). *Bada'i al-Sana'i fi Tartib al-Shara'I*, Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyah.
- Kim D.H., Je Y.J., Kim C.D., Lee Y.H., Seo Y.J., & Lee J.H., Lee Y. (2011). Can Platelet-Rich Plasma Be Used For Skin Rejuvenation? Evaluation of Effects of Platelet-Rich Plasma on Human Dermal Fibroblast, *Annals of Dermatology* 23 (4), 424-431.
- M Sendhil Kumaran (2014). Platelet-Rich Plasma in Dermatology: Boon or A Bane?. *Indian Journal of Dermatology, Venereology and Leprology* 80 (1), 5-14.
- Majlis Perhimpunan Fiqh Islami Negara (2007). *Al-Jarahah al-Tajmiliyyah wa Ahkamuha*. Putrajaya: Majlis Perhimpunan Fiqh Islami Negara.
- Marx R.E. (2001). Platelet-Rich Plasma (PRP): What Is PRP and What Is Not PRP?, *Implant Dentistry* 10 (4), 225-228.
- Mast, B. A. & Schultz, S. S. (2000). Growth Factors And Plastic Surgery. *Blood Recovery Systems* 86 (2), 87-91.
- Mikhael, N. W. dan Fatma M. El-Esawy (2014). Skin Rejuvenation With Autologous Concentrated Platelet-Rich Plasma. *Egyptian Journl of Dermatology and Venereology* 34, 5-9.
- Natsuko Kakudo, Satoshi Kushida, Tsuretaka Ogura, Tomaya Hara, Kenji Suzuki & Kenji Kusumoto, (2012). The Use Of Autologous Platelet-Rich Plasma In The Treatment Of Intractable Skin Ulcer: A Case Series, *Open Journal of Regenerative Medicine* 1 (3), 29-32.
- Al-Nawawi, Abu Zakariya Mahy al-Din bin Syarf (t.t). *Al-Majmu' Sharh al-Muhazzab li al-Shyrazi*, Jeddah: Maktabah al-Irshad.
- Al-Qurtubi, Abu Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Abu Bakar Ibn Farrah al-Ansari (2006). *Al-Jam'i li Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Mua'ssah al-Risalah.
- Redaelli, A., Romano, D., & Marciano, A. (2010). Face And Neck Revitalization With Platelet-Rich Plasma (PRP): Clinical Outcome In A Series Of 23 Consecutively Treated Patients, *Journal of Drugs in Dermatology* 9 (5), 466-472.
- Robson M.C., Philips, L.G., Robson, L.E., Thomason, A, & Pierce, G. F. (1992)., "Platelet-Derived Growth Factor BB for the Treatment of Chronic Pressure Ulcers", *The Lancet* 339 (8784), 23-25.
- Al-Sha'rawi (1991). *Tafsir al-Sha'rawi*. Mesir: Dar Ikhbar Al-Yaum.
- Al-Shafi'i, Muhammad bin Idris (1990). *Al-Umm*. Beirut: Dar Al-Ma'rifah.
- Sommeling CE, Heyneman A, Hoeksema H, Verbelen J, Stillaert FB & Monstrey S. (2013). The Use Of Platelet-Rich Plasma In Plastic Surgery: A

- Systematic Review, *Journal Of Plastic, Reconstructive And Aesthetic Surgery* 66 (3), 308-309.
- Steed, D. L. (1995). Clinical Evaluation of Recombinant Human Platelet-Derived Growth Factor for the Treatment of Lower Extremity Diabetic Ulser. Diabetic Ulser Study Group. *Journal Of Vascular Surgery* 21 (1), 79-81.
- Syams al-Din Muhammad bin Muhammad al-Khatib al-Syarbini (1997). *Mughni al-Muhtaj*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Syirazi, Abu Ishaq Ibrahim bin 'Ali ibn Yusuf al-Fayruz Abadi (1995). *Al-Muhazzab fi Fiqh al-Imam al-Shafi'i*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyah.
- Yusuf bin Hasan bin 'Abd al-Rahman al-Maghribi (2010). Hukum Dam al-Insan fi al-Fiqh al-Islami, *Majalah al-'Ulum wa al-Buhuth al-Islamiyah*. Sudan: Jamiah Assudan Lilulum Wa Teknolujija.